

Kumpulan Pelaksana

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 2**

Penempatan Jawatan: PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA, UMPSA KAMPUS GAMBANG

PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDU KENDERAAN) GRED H1

Tangga Gaji RM1,500.00 (Minimum) - RM4,680.00 (Maksimum)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

2. Kelayakan Lantikan Bagi Jawatan Pembantu Khidmat Am Gred H1:

- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- b. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- c. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- d. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
- e. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 3).

3. Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)

- a. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- b. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- c. Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- d. Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- e. Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

4. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

Keutamaan Kepada Calon:

1. Berumur tidak melebihi 40 tahun, sihat tubuh badan dan bebas daripada penyakit kronik.
2. Mempunyai rekod pemanduan yang bersih di JPJ dan PDRM.
3. Wajib memiliki lesen memandu D & E
4. Mampu berkomunikasi secara asas dalam Bahasa Inggeris.
5. Bersedia ditempatkan di Kampus UMPSA Gambang dan UMPSA Pekan.
6. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan bersedia untuk standby (on-call) serta bersedia untuk bekerja pada hari cuti umum.
7. Bersedia membawa staf (termasuk pengurusan tertinggi), pelajar dan tetamu utama/VVIP universiti.
8. Bersedia melaksanakan tugas pentadbiran berkaitan pemanduan dan pengurusan kenderaan, termasuk:
 - Menyediakan laporan bahan api
 - Mengurus kad Touch 'n Go
 - Menyelaras penyelenggaraan
 - Menjadualkan pemanduan, dan tugas-tugas lain yang berkaitan
 - Mempunyai kemahiran asas komputer
9. Berperwatakan sopan dan kemas.
10. Mahir mengenai laluan utama di Semenanjung Malaysia, terutamanya kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya.
11. Mempunyai pengetahuan asas dalam penyelenggaraan kenderaan ringan dan berat.
12. Calon hendaklah berpengalaman sekurang-kurangnya 5 (lima) tahun dalam bidang berkaitan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

1. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.
2. **Perhatian kepada pemohon daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan selain Pihak Berkuasa Melantik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).** Sekiranya tuan/puan ditawarkan jawatan dan bersetuju menerima tawaran tersebut, pelantikan ini adalah sebagai **pelantikan baharu**.

Sehubungan itu:

- a) Segala kekecualian dan faedah perkhidmatan terdahulu, termasuk kemudahan cuti, **tidak akan diambil kira** kerana perbezaan Pihak Berkuasa Melantik, selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- b) Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan tetap terdahulu **boleh dipertimbangkan untuk dicantumkan**, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi tujuan **pengiraan faedah persaraan sahaja**.

Sila hantarkan ke alamat berikut:

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

**JABATAN PENDAFTAR CANSELERI TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
26600 PEKAN PAHANG DARUL MAKMUR**

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui emel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 11/02/2026

TARIKH TUTUP : 25/02/2026